

# Mahasiswa UniMAP

## Raih Enam Pingat Emas Di Korea

Penyelidik muda Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melalui ENVEX Young Researcher Club (EYReC) sekali lagi mengharumkan nama UniMAP dalam bidang penyelidikan apabila meraih enam pingat emas dan satu pingat perak dalam pertandingan Student Green Growth Invention Contest yang berlangsung di Guro Digital Complex, Seoul, Kore Selatan. Pingat emas diraih menerusi produk penyelidikan *Robotic Hand For Physiotherapy* oleh Muhammad Firdaus Mohd Radzi; *Glucose Detection Using Nano-Biochip For Prenatal Care* oleh Mohd Nurfaiz Mohd Asri; *Photocatalyst: Biocomposite Titanium Dioxide/Fish Scale* oleh Oon Yoong Ling, *AGROPLAST* oleh Muhammad Nazrin Shah Mohamed Farook; *Geopolymer Composite Via Filament Winding* oleh Anis Nadhirah Ismail dan *Conductive Film Based on Organic Waste Filler for Electronic Devices* oleh Gita Amiria

Aya. Pingat Perak pula diperolehi melalui produk Fly Ash Artificial Aggregate oleh Khoo Hooi Chin.

Malaysia menghantar 16 penyertaan keseluruhannya menerusi sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang menjalankan kerjasama dengan EYReC seperti Universiti Malaysia Pahang (UMP) selain sekolah angkat UniMAP iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Sheikh Ahmad dan Sekolah Kebangsaan (SK) Sena. Turut mewakili Malaysia ialah peserta dari Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Rawang, Sekolah Menengah Sains (SMS) Selangor, SMS Tapah, Sekolah Seri Puteri dan Sekolah Menengah Agama Imtiaz Terengganu.